

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Pelan Insurans 'Flexi'</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01-01-2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Pelan Insurans 'Flexi' Tarikh :</p>
---	---

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini menawarkan pampasan terhadap kecederaan, kecacatan atau kematian disebabkan semata-mata oleh keadaan keganasan luaran yang tidak disengajakan dan dapat dilihat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan ke atas:

- a) Kematian atau Kecacatan Kekal;
- b) Kecacatan Menyeluruh Sementara / Kecacatan Separuh Sementara;
- c) Perbelanjaan Perubatan (termasuk sinseh/rawatan tradisional);
- d) Perbelanjaan Pengebumian;
- e) Pembedahan Pembetulan Kosmetik atau Pergigian;

Tempoh perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Kami menawarkan tiga pelan untuk pilihan berdasarkan klasifikasi pekerjaan anda dan bayaran premium adalah seperti diterangkan di bawah:

Penerangan Berkenaan Manfaat Yang Ditawarkan	Untuk Setiap Jumlah Berikut (RM)	Klasifikasi Pekerjaan dan Premium Tahunan (RM)		
		Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3
Kematian	10,000	6	8	12
Kecacatan Kekal	10,000	6	8	12
a) Kecacatan Menyeluruh Sementara (Had Seminggu) sehingga maksimum 104 minggu	100	22	30	45
b) Kecacatan Separuh Sementara (Had Seminggu) sehingga maksimum 104 minggu	50			
Perbelanjaan Perubatan (Had Untuk Sebarang Kemalangan)	500	10	13	15
	1,000	15	18	25
	2,000	20	26	35
	3,000	25	32	48
	4,000	30	40	60
	5,000	35	45	72

Nota : Perlindungan dari umur 16 hingga 60 tahun, boleh diperbaharui sehingga umur 65 tahun.

Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat kami.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti setem	RM10.00

5. Apakah sebahagian terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Sebahagian terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda perlu memberitahu semua maklumat dan fakta-fakta seperti pekerjaan dan maklumat peribadi anda, yang akan mempengaruhi profil risiko serta bilangan polisi kemalangan diri yang dibeli dari syarikat insurans lain.
- **Perlindungan adalah hanya untuk kerugian akibat kemalangan** seperti yang tercatat di dalam polisi.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak menawarkan perlindungan ke atas:

- a) Risiko peperangan;
- b) Bunuh diri dan hilang akal;
- c) Kecederaan yang disengajakan;
- d) AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan HIV/ AIDS;
- e) Pembunuhan akibat kemarahan atau serangan;
- f) Aktiviti sukan yang berbahaya.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi / surat-menyerurat?

Adalah penting bagi anda memberitahu syarikat kami jika terdapat sebarang perubahan pada profil anda, termasuk pekerjaan dan maklumat peribadi anda, yang mungkin mempengaruhi profil risiko.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk pada naskhah *insuranceinfo* berkenaan 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan Kemalangan Diri Lain Yang Boleh Didapati:

Perlindungan kemalangan diri lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Pelan Kemalangan Diri FlexiCare.
- Pelan Insurans Pemandu & Penumpang StarRider.
- Pelan Insurans Rakan Pemandu.
- Pelan Insurans Rakan Pemandu 2.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN

**MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA
ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Januari 2010.